

Bil. S 78

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH ANTIKEGANASAN, 2011**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**KESALAHAN-KESALAHAN**

3. Melakukan perbuatan pengganas.
4. Memberi atau mengumpul harta untuk melakukan perbuatan pengganas.
5. Memberi perkhidmatan untuk melakukan perbuatan pengganas.
6. Menggunakan harta untuk melakukan perbuatan pengganas.
7. Penyusunan untuk memperolehi, menyimpan atau mengawal harta pengganas.
8. Mengurusniaga harta pengganas.
9. Mendapatkan atau memberi sokongan kepada kumpulan pengganas atau bagi melakukan perbuatan pengganas.
10. Menyembunyikan orang yang melakukan perbuatan pengganas.
11. Pengambilan orang menjadi ahli kumpulan pengganas atau mengambil bahagian dalam perbuatan pengganas.

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

12. Memberikan latihan dan pengajaran kepada kumpulan pengganas dan orang yang melakukan perbuatan pengganas.
13. Bersubahat, menggalakkan atau mendapatkan harta bagi melakukan perbuatan pengganas.
14. Memberikan kemudahan bagi menyokong perbuatan pengganas.
15. Keahlian kumpulan pengganas.
16. Mengatur mesyuarat bagi menyokong kumpulan pengganas.
17. Larangan terhadap ancaman palsu untuk melakukan perbuatan pengganas.
18. Pengeboman pengganas.
19. Maklumat mengenai perbuatan pengganas.

### **BAHAGIAN III**

#### **PENYIASATAN KESALAHAN**

20. Kuasa untuk menangkap.
21. Kuasa untuk menahan orang yang disyaki.
22. Kuasa untuk memasuki dan menggeledah.
23. Kuasa untuk memeriksa.
24. Pemeriksaan buku jurubank.
25. Kuasa untuk memintas perhubungan.
26. Perjalanan kuasa oleh pegawai yang diberi kuasa.

### **BAHAGIAN IV**

#### **PENYITAAN, PEMBEKUAN DAN PERAMPASAN HARTA PENGGANAS**

27. Permohonan bagi waran untuk menyita dan perintah untuk menahan harta.
28. Kandungan permohonan bagi waran atau perintah.
29. Akujanji bagi waran atau perintah.

30. Pelanggaran perintah.
31. Lantikan pengurus dll.
32. Kuasa untuk menguruskan.
33. Penghentian perintah atau lantikan.
34. Permohonan oleh Peguam Negara untuk membatalkan atau mengubah waran atau perintah.
35. Permohonan oleh orang yang berkepentingan untuk membatalkan atau mengubah waran atau perintah.
36. Tamat tempoh waran dan perintah tahanan.
37. Permohonan bagi perampasan harta.
38. Kandungan permohonan bagi perampasan harta.
39. Responden dan notis.
40. Perintah bagi perampasan harta.
41. Perlaksanaan perintah perampasan.
42. Perintah yang menolak perampasan harta.
43. Permohonan untuk mengenepikan perintah perampasan.
44. Hak penjagaan interim.
45. Pindah milik boleh batal.
46. Peruntukan perampasan lain tidak terjejas.

## **BAHAGIAN V**

### **PEMBERIAN DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT**

47. Obligasi institusi kewangan dan profesion dan perniagaan bukan kewangan yang ditetapkan hendaklah melaporkan transaksi yang mencurigakan.
48. Perlindungan identiti orang dan maklumat berkenaan dengan laporan transaksi yang mencurigakan.

49. Pengecualian dari liabiliti kerana mengemukakan laporan mengenai transaksi yang mencurigakan dengan suci hati.
50. Kegagalan berhubung dengan laporan transaksi yang mencurigakan.
51. Tindakan berhubung dengan laporan atau maklumat lain yang diterima.
52. Akses kepada maklumat.
53. Obligasi berhubung dengan penyimpanan rahsia dan penggunaan maklumat.
54. Berkongsi maklumat dengan agensi kaunterpart asing.

## **BAHAGIAN VI**

### **AM**

55. Pemberian maklumat.
56. Luar wilayah.
57. Larangan am.
58. Percubaan dan perbuatan bersubahat.
59. Kewajipan memberi maklumat.
60. Kesalahan dilakukan oleh badan korporat.
61. Kesalahan di bawah undang-undang bertulis lain.
62. Persetujuan Pendakwa Raya.
63. Kekebalan dari prosiding.
64. Perlindungan orang kerana perbuatan yang dilakukan di bawah Perintah ini.
65. Kuasa untuk mengisyiharkan orang atau golongan orang sebagai pengganas.
66. Arahan dan garis panduan untuk menunaikan obligasi Negara Brunei Darussalam.
67. Arahan dan peraturan-peraturan untuk mencegah pembiayaan pengganas.
68. Kesalahan boleh tangkap dan boleh jamin.
69. Pindaan Jadual.

70. Peraturan-peraturan.
71. Pemansuhan Penggal 197.

**JADUAL — KONVENTSYEN MEMBERANTAS KEGANASAN**

---

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

**PERINTAH ANTIKEGANASAN, 2011**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Antikeganasan, 2011 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu perintah untuk menumpaskan keganasan, untuk melaksanakan sebarang obligasi antarabangsa berkenaan dengan pemberantasan keganasan dan bagi perkara-perkara yang berhubungan atau bersampingan dengannya".

**Tafsiran.**

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Autoriti" bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh bab 3(1) dari Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010 (S 103/2010);

"konvensyen memberantas keganasan" bermakna sebarang Konvensyen yang dinyatakan dalam Jadual;

"negara" termasuk suatu wilayah;

"profesjon dan perniagaan bukan kewangan yang ditetapkan" bermakna mana-mana yang berikut —

(a) ejen harta tanah;

(b) kasino, termasuk kasino internet;

(c) peniaga logam berharga, batu permata dan barang kemas;

(d) peguambela dan peguamcara, notari, profesional undang-undang dan akauntan bebas yang lain apabila mereka menyediakan, terlibat dalam, atau menjalankan transaksi bagi seseorang klien berhubung dengan mana-mana aktiviti yang berikut —

- (i) pembelian dan penjualan harta tanah;
- (ii) pengurusan wang, sekuriti atau aset lain klien;
- (iii) pengurusan akaun bank, simpanan atau sekuriti;
- (iv) pengelolaan sumbangan bagi mewujudkan, mengendalikan atau mengurus entiti;
- (v) pewujudan, pengendalian atau pengurusan entiti atau penyusunan, dan pembelian dan penjualan entiti perniagaan;

(e) penyedia perkhidmatan amanah dan syarikat yang tidak diliputi selainnya oleh Perintah ini yang, sebagai perniagaan, menyediakan atau menjalankan transaksi bagi pihak klien berkenaan dengan mana-mana perkhidmatan yang berikut kepada pihak ketiga —

- (i) bertindak sebagai ejen penubuhan, pendaftaran atau pengurusan entiti;
- (ii) bertindak sebagai, atau mengaturkan supaya orang lain bertindak sebagai, seorang pengarah atau setiausaha suatu syarikat atau rakankongsi suatu perkongsian, atau memegang jawatan yang seumpamanya berkenaan dengan entiti lain;
- (iii) memberikan kepada suatu pejabat berdaftar, alamat perniagaan atau tempat tinggal, alamat surat-menyurat atau pentadbiran bagi suatu syarikat, suatu perkongsian atau mana-mana entiti atau penyusunan lain;
- (iv) bertindak sebagai, atau mengaturkan supaya orang lain bertindak sebagai, seorang pemegang amanah bagi suatu amanah nyata atau penyusunan lain yang seumpamanya;
- (v) bertindak sebagai, atau mengaturkan supaya orang lain bertindak sebagai, seorang penerima namaan pemegang saham bagi orang lain;

(f) profesion dan perniagaan lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Autoriti;

"entiti" termasuk seseorang, kumpulan, amanah, perkongsian atau dana;

"bahan letupan atau peranti maut yang lain" bermakna —

(a) suatu bahan letupan atau senjata atau peranti pembakar lain yang direkabentuk, atau mempunyai keupayaan, untuk menyebabkan kematian, kecederaan badan yang teruk atau kerosakan material yang besar; atau

(b) suatu senjata atau peranti yang direkabentuk, atau mempunyai keupayaan, untuk menyebabkan kematian, kecederaan badan yang teruk atau kerosakan material yang besar kerana pelepasan, penyebaran atau impak —

- (i) bahan kimia toksik, ejen biologi atau toksin atau bahan yang seumpamanya;
- (ii) radiasi atau bahan radioaktif; atau
- (iii) bahan nuklear;

"institusi kewangan" bermakna —

(a) berkenaan dengan Negara Brunei Darussalam —

- (i) sesebuah bank yang dilesenkan di bawah bab 4 atau 23 dari Perintah Perbankan, 2006 (S 45/2006), sesebuah bank antarabangsa yang dilesenkan di bawah bab 7 dari Perintah Perbankan Antarabangsa, 2000 (S 53/2000) dan sesebuah bank Islam yang dilesenkan di bawah bab 4 atau 23 dari Perintah Perbankan Islam, 2008 (S 96/2008);
- (ii) Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei yang ditubuhkan oleh bab 3(1) dari Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Penggal 163);
- (iii) mana-mana penanggung insurans yang didaftarkan di bawah Perintah Insurans, 2006 (S 48/2006) atau Perintah Takaful, 2008 (S 100/2008) atau mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Perintah Insurans dan Takaful Antarabangsa, 2002 (S 43/2002);
- (iv) mana-mana syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Syarikat Kewangan (Penggal 89);
- (v) mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Perintah Pelesenan Ejen dan Pemegang Amanah Berdaftar, 2000 (S 54/2000), Perintah Dana Bersama, 2001 (S 18/2001),

Perintah Sekuriti, 2001 (S 31/2001) atau Perintah Insurans dan Takaful Antarabangsa, 2002 (S 43/2002);

- (vi) mana-mana orang yang dilesenkan untuk menjalankan apa-apa perniagaan menukar wang atau perniagaan kiriman wang di bawah Akta Perniagaan Menukar Wang dan Kiriman Wang (Penggal 174); atau
- (vii) orang lain yang dilesenkan, dibenarkan atau dikawalselia oleh Autoriti di bawah sebarang undang-undang bertulis; dan

(b) berkenaan dengan mana-mana negara di luar Negara Brunei Darussalam, seseorang yang menjalankan secara sah di dalamnya perniagaan yang bersamaan seluruhnya atau sebahagianya dengan perniagaan perbankan sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 2(1) dari Perintah Perbankan, 2006 (S 45/2006) atau dalam bab 2(1) dari Perintah Perbankan Antarabangsa, 2000 (S 53/2000); dan termasuk perniagaan perbankan Islam sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 2(1) dari Perintah Perbankan Islam, 2008 (S 96/2008);

"Unit Risikan Kewangan" bermakna agensi yang bertanggungjawab bagi menerima, meminta, menganalisis dan menyebarkan maklumat berhubung dengan hasil jenayah, pembersihan wang haram dan pembiayaan pengganas yang disyaki;

"kemudahan infrastruktur" bermakna apa-apa kemudahan (sama ada milik awam atau swasta) yang memberikan atau mengagihkan perkhidmatan bagi faedah orang ramai, seperti air, pembuangan kumbahan, tenaga, bahan api atau perhubungan;

"angkatan tentera sesebuah Negara" bermakna —

(a) angkatan bersenjata sesebuah negara yang dikelolakan, dilatih dan dilengkapi di bawah undang-undang dalam negerinya bagi tujuan utama pertahanan dan keselamatan negara;

(b) orang awam yang mengarahkan atau mengelolakan aktiviti-aktiviti rasmi angkatan bersenjata itu; atau

(c) orang awam yang bertindak menyokong aktiviti-aktiviti rasmi angkata bersenjata itu, jika orang awam itu berada di bawah perintah, kawalan dan tanggungjawab rasmi angkatan bersenjata itu;

"Menteri" bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara keselamatan dalam negeri;

"tempat kegunaan awam" —

(a) bermakna bahagian mana-mana bangunan, tanah, jalan atau jalan air atau lokasi lain yang boleh dimasuki atau terbuka kepada orang ramai, sama ada secara berterusan, berkala atau sekali-sekala, dan sama ada secara percuma atau dengan membuat suatu bayaran; dan

(b) termasuk mana-mana tempat komersil, perniagaan, kebudayaan, bersejarah, pendidikan, keugamaan, kerajaan, hiburan, rekreasi, atau tempat yang seumpamanya yang boleh dimasuki atau terbuka kepada orang ramai;

"harta" bermakna —

(a) setiap jenis aset, sama ada ketara atau tak ketara, alih atau tak alih, tidak kira bagaimana jua pun diperolehi; dan

(b) dokumen atau suratcara undang-undang dalam apa-apa bentuk, termasuk elektronik atau digital, yang membuktikan hakmilik kepada, atau kepentingan ke atas, aset itu, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kredit bank, cek kembara, cek bank, kiriman wang, saham, sekuriti, bon, draf dan surat kredit;

"sistem pengangkutan awam" bermakna semua pengangkutan, kemudahan, bangunan atau objek (sama ada milik awam atau swasta) yang digunakan dalam atau bagi perkhidmatan yang disediakan untuk orang ramai bagi mengangkut orang atau kargo;

"kemudahan Negara atau kerajaan" bermakna apa-apa pengangkutan atau kemudahan (sama ada kekal atau sementara) yang digunakan atau diduduki oleh mana-mana orang yang berikut berhubung dengan kewajipan-kewajipan rasmi mereka —

(a) seseorang wakil mana-mana kerajaan;

(b) Ketua Negara mana-mana negara;

(c) Perdana Menteri atau seseorang menteri mana-mana negara;

(d) seseorang ahli badan perundangan atau kehakiman mana-mana negara;

(e) seseorang pegawai atau pekerja mana-mana kerajaan atau mana-mana organisasi antara kerajaan;

"laporan transaksi yang mencurigakan" bermakna suatu laporan yang dikehendaki untuk dikemukakan di bawah bab 47;

"kesalahan membiayai keganasan" bermakna —

- (a) apa-apa kesalahan di bawah bab 4, 5, 6, 7 atau 8;
- (b) pakatan jahat untuk melakukan apa-apa kesalahan itu;
- (c) menghasut orang lain untuk melakukan apa-apa kesalahan itu;
- (d) cuba melakukan apa-apa kesalahan itu; atau
- (e) membantu, bersubahat, merencana atau menyebabkan berlakunya apa-apa kesalahan itu;

"pengganas" bermakna mana-mana orang yang —

- (a) melakukan, atau cuba melakukan, apa-apa perbuatan pengganas;
- (b) membuat persediaan bagi apa-apa perbuatan pengganas;
- (c) mengambil bahagian dalam atau memudahkan berlakunya apa-apa perbuatan pengganas;
- (d) menggalakkan atau mendorong apa-apa perbuatan pengganas; atau
- (e) selainnya terlibat dalam apa-apa perbuatan pengganas;

dan termasuk mana-mana orang yang diisyiharkan dalam suatu perintah yang dibuat di bawah bab 65 sebagai seorang pengganas;

"entiti pengganas" bermakna mana-mana entiti yang dimiliki atau dikawal oleh mana-mana pengganas atau kumpulan pengganas dan termasuk suatu persatuan bagi entiti-entiti tersebut;

"transaksi" bermakna suatu pembelian, penjualan, pinjaman, sandaran, pemberian, pemindahan, penyerahan atau pelupusan lain, atau penyusunannya, dan termasuk —

- (a) membuka suatu akaun;
- (b) apa-apa deposit, pengeluaran, pertukaran atau pemindahan dana dalam mana-mana matawang sama ada dengan wang tunai atau dengan cek, arahan pembayaran atau suratcara lain atau dengan cara elektronik atau bukan fizikal lain;
- (c) penggunaan peti deposit keselamatan atau apa-apa bentuk lain deposit selamat;
- (d) membuat apa-apa perkaitan amanah;

(e) apa-apa pembayaran yang dibuat atau diterima bagi menyelesaikan, seluruhnya atau sebahagiannya, apa-apa obligasi di bawah kontrak atau obligasi lain di sisi undang-undang;

(f) mengadakan atau mewujudkan suatu entiti atau penyusunan undang-undang; atau

(g) transaksi lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Autoriti.

(2) Tertakluk kepada ceraian (3), dalam Perintah ini, "perbuatan penganas" bermakna —

(a) suatu perbuatan atau peninggalan di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam yang menjadi suatu kesalahan dalam skop konvensyen memberantas keganasan; atau

(b) penggunaan atau ancaman untuk melakukan tindakan (sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain) —

(i) jika tindakan itu —

(A) melibatkan kekejaman teruk terhadap mana-mana orang;

(B) melibatkan kerosakan teruk kepada harta;

(C) membahayakan nyawa mana-mana orang;

(D) menimbulkan risiko teruk kepada kesihatan atau keselamatan orang ramai atau sekumpulan orang ramai;

(E) melibatkan penggunaan senjata api atau bahan letupan;

(F) melibatkan pelepasan ke dalam alam sekitar atau mana-mana bahagiannya, atau menyebarkan atau pun selainnya mendedahkan orang ramai atau mana-mana bahagiannya —

(I) apa-apa bahan merbahaya, berbahaya, radioaktif atau memudaratkan;

(II) apa-apa bahan kimia toksik;

(III) apa-apa agen atau toksin mikrob atau biologi lain; atau

(IV) apa-apa bahan nuklear;

- (G) dirancang untuk mengganggu mana-mana sistem komputer awam atau pemberian perkhidmatan yang langsung berkaitan dengan infrastruktur perhubungan, perbankan atau sebarang perkhidmatan kewangan, kemudahan awam, pengangkutan awam atau infrastruktur utama awam;
  - (H) dirancang untuk mengganggu pemberian perkhidmatan kecemasan penting; atau
  - (I) melibatkan kemudaratkan kepada keselamatan awam atau pertahanan negara;
- (ii) jika penggunaan atau ancaman itu dimaksudkan atau dianggap dengan munasabah sebagai bermaksud untuk —
- (A) mempengaruhi atau memaksa Kerajaan, mana-mana kerajaan lain atau mana-mana organisasi antarabangsa untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan; atau
  - (B) menakut-nakutkan orang ramai atau sekumpulan orang ramai.
- (3) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam ceraian (2), suatu perbuatan pengganas tidak termasuk aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh angkatan tentera sesebuah Negara pada menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi mereka, setakat mana aktiviti-aktiviti tersebut dikawal oleh aturan-aturan lain undang-undang antarabangsa.
- (4) Dalam Perintah ini, sebarang sebutan kepada suatu perbuatan pengganas termasuk apa-apa perbuatan yang disebut dalam bab 17(2) atau (3).

(5) Bagi maksud-maksud ceraian (2) —

- (a) suatu sebutan kepada mana-mana orang atau harta adalah suatu sebutan kepada mana-mana orang atau harta di mana sahaja terletak, di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam; dan
- (b) suatu sebutan kepada orang ramai termasuk suatu sebutan kepada orang ramai di sesebuah negara selain dari Negara Brunei Darussalam.

**BAHAGIAN II**

**KESALAHAN-KESALAHAN**

**Melakukan perbuatan pengganas.**

3. Mana-mana orang yang melakukan, atau mengambil bahagian dalam melakukan, suatu perbuatan pengganas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Memberi atau mengumpul harta untuk melakukan perbuatan pengganas.**

4. Mana-mana orang yang —

- (a) memberi;
- (b) mengumpul; atau
- (c) menyediakan,

dengan apa-apa cara, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa harta, yang dimaksudkan, dengan mengetahui, atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa harta itu akan digunakan seluruhnya atau sebahagiannya untuk melakukan suatu perbuatan pengganas atau memudahkan untuk melakukan suatu perbuatan pengganas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Memberi perkhidmatan untuk melakukan perbuatan pengganas.**

5. (1) Mana-mana orang yang, secara langsung atau tidak langsung, memberi atau menyediakan perkhidmatan kewangan atau perkhidmatan lain yang berkaitan —

(a) yang dimaksudkan supaya ia digunakan, seluruhnya atau sebahagiannya, bagi tujuan melakukan atau memudahkan untuk melakukan, suatu perbuatan pengganas atau bagi tujuan memberi faedah kepada mana-mana orang yang melakukan atau memudahkan untuk melakukan suatu perbuatan pengganas; atau

(b) dengan mengetahui seluruhnya atau sebahagiannya, ia akan digunakan oleh, atau akan memberi faedah kepada, suatu kumpulan pengganas,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Menggunakan harta untuk melakukan perbuatan pengganas.**

6. Mana-mana orang yang —

(a) menggunakan harta, secara langsung atau tidak langsung, seluruhnya atau sebahagiannya, bagi tujuan melakukan atau memudahkan untuk melakukan suatu perbuatan pengganas; atau

(b) memiliki harta yang dimaksudkan supaya ia digunakan atau dengan mengetahui ia akan digunakan, secara langsung atau tidak langsung, seluruhnya atau sebahagiannya, bagi tujuan melakukan atau memudahkan untuk melakukan suatu perbuatan pengganas,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Penyusunan untuk memperolehi, menyimpan atau mengawal harta pengganas.**

7. Mana-mana orang yang dengan mengetahui membuat, atau menjadi terlibat dalam, suatu penyusunan yang memudahkan pemerolehan, penyimpanan atau kawalan harta pengganas oleh atau bagi pihak orang lain —

- (a) dengan menyembunyikan;
- (b) dengan membawa keluar di luar bidang kuasa;
- (c) dengan memindahmilik kepada seorang penama; atau
- (d) dengan apa-apa cara lain,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Mengurusniaga harta pengganas.**

8. Mana-mana orang yang dengan mengetahui —

(a) mengurusniaga, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa harta pengganas;

- (b) memperolehi atau memiliki harta pengganas;

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

*(c)* membuat atau memudahkan, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa transaksi berkaitan dengan harta pengganas;

*(d)* menukar, merahsiakan atau menyembunyikan harta pengganas; atau

*(e)* memberi perkhidmatan kewangan atau perkhidmatan lain berkaitan dengan harta pengganas atas arahan suatu kumpulan pengganas,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Mendapatkan atau memberi sokongan kepada kumpulan pengganas atau bagi melakukan perbuatan pengganas.**

**9. (1) Mana-mana orang yang dengan mengetahui —**

*(a)* mendapatkan sokongan bagi, atau memberi sokongan kepada, mana-mana kumpulan pengganas, atau

*(b)* mendapatkan sokongan bagi, atau memberi sokongan untuk, melakukan suatu perbuatan pengganas,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

**(2) Dalam bab ini, "sokongan" termasuk tetapi tidak terhad kepada —**

*(a)* tawaran untuk memberikan, atau pemberian, dokumen-dokumen perjalanan lancung atau palsu kepada seseorang ahli suatu kumpulan pengganas;

*(b)* tawaran untuk menyediakan, atau penyediaan suatu kemahiran atau kepakaran bagi faedah, atas arahan atau bersama-sama dengan suatu kumpulan pengganas; atau

*(c)* memasuki atau tinggal di mana-mana negara bagi faedah, atau atas arahan atau bersama-sama dengan suatu kumpulan pengganas.

**Menyembunyikan orang yang melakukan perbuatan pengganas.**

**10. Mana-mana orang yang menyembunyikan atau merahsiakan, atau menahan, menghalang atau mengganggu penangkapan, mana-mana orang lain dengan mengetahui, atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang lain itu —**

(a) telah melakukan atau sedang merancang atau mungkin melakukan suatu perbuatan pengganas; atau

(b) adalah seorang ahli suatu kumpulan pengganas,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Pengambilan orang menjadi ahli kumpulan pengganas atau mengambil bahagian dalam perbuatan pengganas.**

11. (1) Mana-mana orang yang dengan mengetahui bersetuju untuk mengambil, atau mengambil, orang lain —

(a) menjadi ahli suatu kumpulan pengganas; atau

(b) mengambil bahagian dalam melakukan suatu perbuatan pengganas,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang dengan mengetahui bersetuju untuk menerima, atau menerima, pengambilan di bawah ceraian (1) itu adalah juga melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Memberikan latihan dan pengajaran kepada kumpulan pengganas dan orang yang melakukan perbuatan pengganas.**

12. Mana-mana orang yang dengan mengetahui memberikan latihan atau pengajaran, atau bersetuju untuk memberikan latihan atau pengajaran —

(a) dalam membuat atau menggunakan apa-apa bahan letupan atau peranti maut lain;

(b) dalam menjalankan suatu perbuatan pengganas; atau

(c) dalam amalan latihan atau gerakan tentera,

kepada seseorang ahli suatu kumpulan pengganas atau seseorang yang terlibat dalam, atau bersedia untuk terlibat dalam, melakukan suatu perbuatan pengganas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Bersubahat, menggalakkan atau mendapatkan harta bagi melakukan perbuatan pengganas.**

13. Mana-mana orang yang, dengan mengetahui —

(a) bersubahat atau menggalakkan bagi melakukan suatu perbuatan pengganas;

(b) bersubahat atau menggalakkan keahlian dalam suatu kumpulan pengganas; atau

(c) mendapatkan harta bagi faedah suatu kumpulan pengganas atau bagi melakukan suatu perbuatan pengganas,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Memberikan kemudahan bagi menyokong perbuatan pengganas.**

14. Mana-mana orang yang sebagai —

(a) pemilik, penghuni, penerima pajak atau orang yang menjaga mana-mana bangunan, premis, bilik atau tempat dengan mengetahui membenarkan supaya diadakan perjumpaan orang-orang di dalam bangunan, premis, bilik atau tempat itu;

(b) pemilik, pencarter, penerima pajak, pengendali, ejen atau orang yang menjaga sesebuah vesel atau pesawat udara dengan mengetahui membenarkan supaya vesel atau pesawat udara itu digunakan;

(c) pemilik, penerima pajak atau orang yang menjaga apa-apa peralatan atau kemudahan yang membolehkan rakaman atau persidangan atau mesyuarat diadakan melalui teknologi dengan mengetahui membenarkan supaya peralatan atau kemudahan itu digunakan,

bagi maksud-maksud melakukan suatu kesalahan di bawah bab 16, atau merancang, menggalakkan atau menyokong bagi melakukan suatu perbuatan pengganas, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Keahlian kumpulan pengganas.**

15. (1) Mana-mana orang yang —

- (a) menjadi ahli; atau
- (b) mengaku menjadi ahli,

suatu kumpulan pengganas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Adalah menjadi suatu pembelaan bagi seseorang yang dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (1) untuk membuktikan —

- (a) bahawa entiti yang berkaitan dengannya tuduhan itu dibawa bukanlah suatu kumpulan pengganas pada atau semasa tarikh dia menjadi ahli, atau mengaku menjadi ahli, entiti itu; atau
- (b) bahawa dia tidak mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti entiti itu, selepas entiti itu menjadi suatu kumpulan pengganas.

**Mengatur mesyuarat bagi menyokong kumpulan pengganas.**

16. (1) Mana-mana orang yang mengatur, menguruskan atau membantu dalam mengatur atau menguruskan suatu mesyuarat yang diketahuinya diadakan bagi tujuan —

- (a) menyokong suatu kumpulan pengganas; atau
- (b) meneruskan aktiviti-aktiviti suatu kumpulan pengganas,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Dalam bab ini —

"mesyuarat" bermakna —

- (a) suatu mesyuarat yang terdiri daripada 2 orang atau lebih, sama ada atau tidak orang ramai dibenarkan masuk; atau
  - (b) suatu mesyuarat dengan telepersidangan yang melibatkan 2 orang atau lebih;
- "telepersidangan" termasuk penggunaan telefon, komputer atau kelengkapan video.

**Larangan terhadap ancaman palsu untuk melakukan perbuatan pengganas.**

17. (1) Tiada sesiapa pun boleh menyampaikan atau menyediakan dengan apa jua cara sebarang maklumat yang diketahui atau dipercayainya sebagai palsu kepada mana-mana orang dengan niat untuk mendorongnya atau mendorong mana-mana orang lain mempercayai dengan salah bahawa suatu perbuatan pengganas telah, sedang atau akan dilakukan.

(2) Tiada sesiapa pun boleh meletakkan apa-apa barang atau bahan di mana-mana tempat dengan niat untuk mendorong orang lain mempercayai dengan salah bahawa —

(a) barang atau bahan itu mungkin meletup atau menyalal dan dengan yang demikian menyebabkan kecederaan diri atau kerosakan kepada harta; atau

(b) barang itu mengandungi atau bahan itu terdiri dari apa-apa —

- (i) bahan merbahaya, berbahaya, radioaktif atau memudaratkan;
- (ii) bahan kimia toksik;
- (iii) agen atau toksin mikrob atau biologi lain; atau
- (iv) bahan nuklear,

yang mungkin menyebabkan kematian, penyakit, kecederaan diri atau kerosakan kepada harta.

(3) Tiada sesiapa pun boleh menghantar atau mengangkut apa-apa barang atau bahan dengan apa jua cara dengan niat untuk mendorong orang lain mempercayai dengan salah bahawa —

(a) barang atau bahan itu mungkin meletup atau menyalal dan dengan yang demikian menyebabkan kecederaan diri atau kerosakan kepada harta; atau

(b) barang itu mengandungi atau bahan itu terdiri dari apa-apa —

- (i) bahan merbahaya, berbahaya, radioaktif atau memudaratkan;
- (ii) bahan kimia toksik;
- (iii) agen atau toksin mikrob atau biologi lain; atau
- (iv) bahan nuklear,

yang mungkin menyebabkan kematian, penyakit, kecederaan diri atau kerosakan kepada harta.

(4) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu sebutan kepada seseorang yang mendorong mana-mana orang lain untuk mempercayai dengan salah tidak menghendaki orang yang mula-mula disebutkan itu untuk memikirkan mana-mana orang tertentu sebagai orang yang dimaksudkannya untuk didorong dengan kepercayaan yang salah itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikepakan suatu denda tidak melebihi dari \$100,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

#### Pengeboman pengganas.

18. (1) Mana-mana orang yang dengan niat dan tanpa alasan yang sah melemparkan, meletakkan, menembakkan atau meledakkan suatu bahan letupan atau peranti maut yang lain di, ke dalam atau pada —

- (a) suatu tempat kegunaan awam;
- (b) suatu kemudahan Negara atau kerajaan;
- (c) suatu sistem pengangkutan awam; atau
- (d) suatu kemudahan infrastruktur,

dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan badan yang teruk, atau kemusnahan besar tempat, kemudahan atau sistem itu yang mengakibatkan atau mungkin mengakibatkan kerugian besar ekonomi, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan —

- (i) jika dia mempunyai niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan badan yang teruk dan kematian berlaku, dihukum mati; atau
- (ii) dalam sebarang kes lain, dihukum penjara seumur hidup.

(2) Ceraian (1) tidak dikenakan kepada —

- (a) aktiviti-aktiviti angkatan bersenjata dalam masa konflik bersenjata, kerana perkataan-perkataan itu difahami di bawah undang-undang kemanusiaan antarabangsa, yang dikawal oleh undang-undang itu; atau
- (b) aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh angkatan tentera sesebuah Negara pada menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi mereka, setakat mana

aktiviti-aktiviti itu dikawal oleh aturan-aturan lain undang-undang antarabangsa.

**Maklumat mengenai perbuatan pengganas.**

19. (1) Mana-mana orang di Negara Brunei Darussalam yang mempunyai maklumat yang diketahui atau dipercayainya boleh memberi bantuan penting —

(a) untuk mencegah orang lain daripada melakukan suatu perbuatan pengganas; atau

(b) untuk memastikan orang lain ditangkap, didakwa atau disabitkan, di Negara Brunei Darussalam, kerana suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Perintah ini atau suatu kesalahan di bawah sebarang undang-undang bertulis lain jika perbuatan atau peninggalan itu juga menjadi suatu perbuatan pengganas,

dan yang gagal mendedahkan maklumat dengan serta-merta kepada seseorang pegawai polis adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Prosiding jenayah atau sivil tidak boleh dikemukakan terhadap seseorang kerana sebarang pendedahan yang dibuat dengan suci hati di bawah bab ini.

(3) Seseorang yang membuat suatu pendedahan dengan suci hati di bawah bab ini tidak boleh disifatkan sebagai melanggar sebarang sekatan terhadap pendedahan maklumat yang dikenakan oleh undang-undang, kontrak atau aturan-aturan kelakuan profesional.

**BAHAGIAN III**

**PENYIASATAN KESALAHAN**

**Kuasa untuk menangkap.**

20. Mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang disyakinya dengan munasabah melakukan atau cuba melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini.

**Kuasa untuk menahan orang yang disyaki.**

21. (1) Mana-mana pegawai polis boleh tanpa waran menangkap dan menahan sementara menunggu siasatan mana-mana orang yang berkaitan dengannya dia mempunyai sebab untuk mempercayai telah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini.

(2) Tiada sesiapa pun boleh ditahan di bawah bab ini bagi suatu tempoh yang melebihi 24 jam kecuali dengan kebenaran seseorang pegawai polis yang berpangkat Penolong Penguasa atau ke atas atau bagi suatu tempoh sehingga 48 jam –

Dengan syarat bahawa jika seseorang pegawai yang berpangkat Penguasa Polis atau ke atas berpuashati bahawa siasatan yang diperlukan itu tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 48 jam yang tersebut di atas, maka dia boleh membenarkan supaya orang itu ditahan lagi bagi suatu tempoh tambahan tidak melebihi 14 hari dan hendaklah, apabila memberi kebenaran tersebut, dengan serta-merta melaporkan hal keadaan itu kepada Pesuruhjaya Polis.

(3) Mana-mana orang yang ditahan di bawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab ini hendaklah dianggap sebagai dalam tahanan yang sah dan boleh ditahan di mana-mana penjara atau di mana-mana balai polis atau di mana-mana tempat lain yang sama yang dibenarkan pada amnya atau khasnya oleh Menteri.

#### **Kuasa untuk memasuki dan menggeledah.**

22. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang bertentangan yang terkandung dalam sebarang undang-undang bertulis adalah sah bagi mana-mana pegawai polis yang berpangkat Penolong Penguasa atau ke atas, atau seseorang pegawai polis dari pangkat apa pun yang khusus diberi kuasa oleh seseorang pegawai polis yang berpangkat Penolong Penguasa atau ke atas, untuk menangkap mana-mana orang di bawah Perintah ini, untuk memasuki dan menggeledah mana-mana tempat dan untuk memasuki tempat itu dengan memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam atau tingkap mana-mana tempat itu jika dia tidak dapat memasukinya.

(2) Dalam bab ini, "tempat" termasuk mana-mana kenderaan, vesel atau pesawat udara, sama ada di suatu tempat awam atau tidak.

#### **Kuasa untuk memeriksa.**

23. (1) Mana-mana pegawai polis boleh tanpa waran menahan dan memeriksa mana-mana kenderaan, vesel, pesawat udara atau individu, sama ada di suatu tempat awam atau tidak, jika dia mengesyaki bahawa apa-apa barang atau bahan sebagai keterangan mengenai berlakunya suatu kesalahan terhadap Perintah ini mungkin dijumpai di dalam kenderaan, vesel atau pesawat udara itu atau pada individu tersebut, dan boleh merampas apa-apa barang atau bahan yang dijumpai itu.

(2) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat koperal atau ke atas boleh tanpa waran memasuki dan memeriksa mana-mana premis atau tempat jika dia mengesyaki bahawa apa-apa barang atau bahan sebagai keterangan mengenai berlakunya sebarang kesalahan terhadap Perintah ini mungkin dijumpai di

premis atau tempat itu dan boleh merampas apa-apa barang atau bahan yang dijumpai itu.

**Pemeriksaan buku jurubank.**

24. (1) Pendakwa Raya boleh, jika dia berpuashati bahawa apa-apa keterangan mengenai berlakunya suatu kesalahan terhadap Perintah ini mungkin dijumpai dalam mana-mana buku jurubank, dengan perintah membenarkan mana-mana pegawai polis untuk memeriksa mana-mana buku tersebut, dan pegawai polis yang dibenarkan itu boleh, pada bila-bila masa yang munasabah, memasuki bank yang dinyatakan dalam perintah itu dan memeriksa buku jurubank yang disimpan di dalamnya, dan boleh mengambil salinan apa-apa catatan dalam mana-mana buku tersebut.

(2) Dalam bab ini, "buku jurubank" termasuk lejar, buku harian, buku tunai, buku akaun dan semua buku lain yang digunakan dalam perniagaan biasa sesebuah bank, sama ada rekod-rekod ini dalam bentuk bertulis atau disimpan dalam mikrofilem, pita magnet atau apa-apa bentuk lain sistem penemuan kembali data mekanik atau elektronik.

**Kuasa untuk memintas perhubungan.**

25. (1) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain, Pendakwa Raya, jika dia menganggap kemungkinannya mengandungi apa-apa maklumat yang berkaitan bagi tujuan sebarang penyiasatan ke atas suatu kesalahan di bawah Perintah ini, boleh, atas permohonan seseorang pegawai yang berpangkat Penguasa Polis atau ke atas, membenarkan mana-mana pegawai polis —

(a) untuk memintas, menahan dan membuka apa-apa barang pos semasa penghantarannya melalui pos;

(b) untuk memintas apa-apa mesej yang dihantar atau diterima melalui apa-apa telekomunikasi; atau

(c) untuk memintas, mendengar dan merakam sebarang percakapan melalui apa-apa telekomunikasi, dan mendengar rakaman percakapan yang dipintas itu.

(2) Apabila mana-mana orang dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini, apa-apa maklumat yang diperolehi oleh seseorang pegawai polis di bawah ceraian (1), sama ada sebelum atau selepas orang itu dituduh, boleh diterima sebagai keterangan semasa perbicaraannya.

(3) Kebenaran oleh Pendakwa Raya di bawah ceraian (1) boleh diberikan sama ada secara lisan atau bertulis; tetapi jika kebenaran lisan diberikan, maka

Pendakwa Raya hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, menuliskan kebenaran itu.

(4) Suatu perakuan oleh Pendakwa Raya yang menyatakan tindakan yang diambil oleh pegawai polis di bawah ceraian (1) telah dibenarkan olehnya di bawah ceraian itu adalah keterangan muktamad bahawa ia telah dibenarkan demikian, dan perakuan tersebut boleh diterima sebagai keterangan tanpa bukti tandatangannya.

(5) Tiada sesiapa pun boleh di bawah sebarang kewajipan, obligasi atau liabiliti, atau dalam apa jua cara dipaksa, untuk mendedahkan dalam sebarang prosiding, prosedur, kaedah, cara atau jalan, atau apa-apa perkara yang berkaitan dengannya, apa-apa perkara yang dilakukan di bawah ceraian (1)/a), (b) atau (c).

(6) Dalam bab ini —

"barang pos" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Akta Pejabat Pos (Penggal 52);

"Pendakwa Raya" bermakna Pendakwa Raya sendiri;

"telekomunikasi" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Perintah Telekomunikasi, 2001 (S 38/2001).

**Perjalanan kuasa oleh pegawai yang diberi kuasa.**

26. (1) Tertakluk kepada bab ini, kuasa-kuasa yang diberikan kepada seseorang pegawai polis di bawah bab-bab 20 hingga 25 boleh dijalankan oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengarah Keselamatan Dalam Negeri bagi maksud itu.

(2) Kuasa-kuasa yang diberikan kepada seseorang pegawai polis yang berpangkat Penolong Penguasa atau ke atas di bawah bab-bab 21 dan 22 boleh dijalankan oleh Pengarah, Timbalan Pengarah atau Penolong Pengarah Keselamatan Dalam Negeri.

(3) Kuasa-kuasa yang diberikan kepada seseorang pegawai yang berpangkat Penguasa Polis atau ke atas di bawah proviso kepada bab 21(2) dan di bawah bab 25 boleh dijalankan oleh Pengarah Keselamatan Dalam Negeri.

(4) Jika kuasa yang diberikan kepada seseorang pegawai yang berpangkat Penguasa Polis atau ke atas di bawah proviso kepada bab 21(2) dijalankan oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa menurut bab ini, kewajipan untuk melaporkan kepada Pesuruhjaya Polis di bawah bab-bab itu hendaklah dibaca sebagai kewajipan untuk melaporkan dengan cara yang sama kepada Pengarah.

## BAHAGIAN IV

### PENYITAAN, PEMBEKUAN DAN PERAMPASAN HARTA PENGGANAS

**Permohonan bagi waran untuk menyita dan perintah untuk menahan harta.**

27. (1) Seseorang hakim Mahkamah Tinggi boleh, atas suatu permohonan *ex parte* oleh Peguam Negara, selepas menimbangkan permohonan itu dalam Kamar dan jika berpuashati bahawa terdapat di dalam mana-mana bangunan, bekas atau tempat apa-apa harta yang berkaitan dengannya suatu perintah perampasan boleh dibuat di bawah bab 40, mengeluarkan —

(a) jika harta itu terletak di Negara Brunei Darussalam, suatu waran yang memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis, atau orang yang dinamakan dalam waran itu —

- (i) untuk memeriksa bangunan, bekas atau tempat itu bagi harta itu; dan
- (ii) untuk menyita harta itu dan apa-apa harta lain yang dipercayai oleh pegawai polis atau orang itu, atas alasan yang munasabah, bahawa suatu perintah perampasan boleh dibuat di bawah bab 40; atau

(b) sama ada harta itu terletak di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam, suatu perintah tahanan yang melarang mana-mana orang dari melupuskan, atau pun selainnya mengurusniaga apa-apa kepentingan ke atas, harta itu, selain dari sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Bagi maksud ceraian (1)(b), mengurusniaga apa-apa kepentingan ke atas apa-apa harta yang dipegang oleh mana-mana orang termasuk (tanpa menjelaskan keluasan makna ungkapan itu) —

(a) jika orang itu berhutang, membuat pembayaran kepada mana-mana orang bagi mengurangkan jumlah hutang itu; dan

(b) memindahkan harta itu dari Negara Brunei Darussalam.

(3) Suatu perintah tahanan yang dikeluarkan di bawah ceraian (1)(b) boleh tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Hakim.

(4) Satu salinan suatu perintah tahanan yang dikeluarkan di bawah ceraian (1)(b) hendaklah disampaikan kepada orang yang kepadanya perintah itu ditujukan dengan cara sebagaimana yang diarahkan oleh Hakim atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam Aturan-Aturan Mahkamah.

**Kandungan permohonan bagi waran atau perintah.**

28. Suatu afidavit bagi menyokong suatu permohonan oleh Peguam Negara di bawah bab 27 boleh disumpahkan atas maklumat dan kepercayaan.

**Akujanji bagi waran atau perintah.**

29. Sebelum mengeluarkan suatu waran di bawah bab 27(1)/a/ atau suatu perintah di bawah bab 27(1)/b/, Hakim boleh menghendaki Peguam Negara untuk memberikan akujanji sebagaimana yang dianggap bersesuaian oleh Hakim berkenaan dengan pembayaran gantirugi atau kos, atau kedua-duanya, berhubung dengan pengeluaran dan perlaksanaan waran itu atau pembuatan dan perlaksanaan perintah tahanan itu.

**Pelanggaran perintah.**

30. Mana-mana orang yang kepadanya suatu perintah yang dikeluarkan di bawah bab 27(1)/b/ disampaikan di bawah bab 27(4) yang, semasa perintah itu berkuatkuasa, melanggar perintah itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Lantikan pengurus dll.**

31. Apabila suatu permohonan dibuat di bawah bab 27, atas permintaan Peguam Negara, jika Hakim berpendapat bahawa hal keadaan menghendaki demikian, maka dia boleh dengan perintah —

(a) melantik seseorang untuk mengambil kawalan, dan menguruskan atau pun selainnya mengurusniaga, semua atau sebahagian dari harta itu menurut arahan Hakim; dan

(b) menghendaki mana-mana orang yang memiliki harta itu untuk memberi milik harta itu kepada orang yang dilantik di bawah perenggan (a).

**Kuasa untuk menguruskan.**

32. (1) Kuasa untuk menguruskan atau pun selainnya mengurusniaga harta di bawah bab 31 termasuk —

(a) dalam hal harta mudah rosak atau harta cepat susut nilai, kuasa untuk menjual harta itu; dan

(b) dalam hal harta yang bernilai rendah atau harta yang tidak ada nilainya, kuasa untuk memusnahkan harta itu.

(2) Sebelum seseorang yang dilantik di bawah bab 31 memusnahkan harta yang disebut dalam ceraian (1)/b), dia hendaklah memohon kepada Hakim bagi suatu perintah pemusnahan.

(3) Sebelum membuat suatu perintah pemusnahan berkenaan dengan apa-apa harta, Hakim akan menghendaki supaya notis menurut ceraian (4) diberikan kepada, dan boleh mendengar, mana-mana orang yang, pada pendapat Hakim, ternyata mempunyai suatu kepentingan yang sah ke atas harta itu.

(4) Suatu notis di bawah ceraian (3) hendaklah diberikan mengikut cara yang diarahkan oleh Hakim atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam Aturan-Aturan Mahkamah.

(5) Hakim boleh memerintahkan supaya harta itu dimusnahkan jika dia berpuashati bahawa harta itu bernilai rendah atau tidak ada nilai kewangan atau nilai lain.

**Penghentian perintah atau lantikan.**

33. Suatu perintah yang dikeluarkan di bawah bab 27(1)/b) atau 31 terus berkuatkuasa sehingga —

(a) perintah itu dibatalkan atau diubah di bawah bab 34 atau 35;

(b) perintah itu terhenti daripada berkuatkuasa di bawah bab 36; atau

(c) harta yang menjadi perkara perintah itu dikembalikan kepada pemohon menurut undang-undang atau dirampas menjadi hak Kerajaan.

**Permohonan oleh Peguam Negara untuk membatalkan atau mengubah waran atau perintah.**

34. Peguam Negara boleh pada bila-bila masa memohon kepada Hakim untuk membatalkan atau mengubah suatu waran atau perintah yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Bahagian ini.

**Permohonan oleh orang yang berkepentingan untuk membatalkan atau mengubah waran atau perintah.**

35. (1) Mana-mana orang yang mempunyai suatu kepentingan ke atas harta yang disita di bawah suatu waran yang dikeluarkan di bawah bab 27(1)/a) atau yang berkaitan dengannya suatu perintah tahanan dikeluarkan di bawah bab 27(1)/b) boleh, pada bila-bila masa, memohon kepada Hakim —

(a) bagi suatu perintah di bawah ceraian (4); atau

(b) bagi kebenaran untuk memeriksa harta itu.

(2) Jika suatu permohonan dibuat di bawah ceraian (1)/a) —

(a) permohonan itu tidak boleh, tanpa persetujuan Peguam Negara, didengar oleh Hakim melainkan jika pemohon telah memberikan kepada Peguam Negara notis sekurang-kurangnya 2 hari genap secara bertulis mengenai permohonan itu; dan

(b) Hakim boleh menghendaki supaya notis permohonan itu diberikan kepada dan boleh mendengar mana-mana orang yang, pada pendapat Hakim, ternyata mempunyai suatu kepentingan yang sah ke atas harta itu.

(3) Hakim boleh, atas suatu permohonan yang dibuat kepadanya di bawah ceraian (1)/b), memerintahkan supaya pemohon dibenarkan untuk memeriksa harta itu tertakluk kepada syarat-syarat yang pada pendapat Hakim sebagai perlu atau dikehendaki untuk memastikan bahawa harta itu dilindungi dan dijaga bagi sebarang tujuan yang mungkin diperlukan kemudiannya.

(4) Atas suatu permohonan yang dibuat di bawah ceraian (1)/a) berkaitan dengan apa-apa harta dan selepas mendengar pemohon dan Peguam Negara dan mana-mana orang lain yang kepadanya notis diberikan di bawah ceraian (2)/b), Hakim boleh memerintahkan supaya harta itu atau sebahagiannya dikembalikan kepada pemohon atau, dalam hal suatu perintah tahanan yang dikeluarkan di bawah bab 27(1)/b), membatalkan perintah itu, mengubah perintah itu untuk mengecualikan harta itu atau apa-apa kepentingan ke atas harta itu atau sebahagiannya dari pengenaan perintah itu atau menjadikan perintah itu tertakluk kepada syarat-syarat yang munasabah sebagaimana yang difikirkan patut oleh Hakim —

(a) jika pemohon membuat suatu ikatan di hadapan Hakim, dengan atau tanpa penjamin, dalam amaun dan dengan syarat-syarat, jika ada, sebagaimana yang diarahkan oleh Hakim dan jika Hakim menganggapnya bersesuaian, mendeposit kepada Hakim sejumlah wang atau jaminan berharga lain sebagaimana yang diarahkannya;

(b) jika syarat-syarat yang disebut dalam ceraian (6) dipenuhi; atau

(c) bagi maksud —

- (i) membayar perbelanjaan hidup yang munasabah bagi orang yang memiliki harta itu pada masa waran itu dilaksanakan atau perintah itu dibuat atau mana-mana orang yang, pada pendapat Hakim, mempunyai suatu kepentingan yang sah ke atas harta itu dan tanggungan-tanggungan orang itu; atau
- (ii) membayar perbelanjaan urusan dan undang-undang yang munasabah bagi seseorang yang disebut dalam perenggan kecil (i),

jika Hakim berpuashati bahawa pemohon tidak mempunyai aset atau sumber pendapatan lain yang ada bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam perenggan ini dan bahawa orang lain ternyata bukan pemilik yang sah atau berhak memiliki harta itu secara sah.

(5) Bagi maksud menentukan kemunasabahan perbelanjaan yang disebut dalam ceraian (4)/c), Peguam Negara boleh, semasa mendengar permohonan itu, membuat pernyataan tentang apa yang akan menjadikan kemunasabahan perbelanjaan itu.

(6) Suatu perintah di bawah ceraian (4)/b) berkaitan dengan harta boleh dibuat oleh Hakim jika dia berpuashati —

(a) jika permohonan itu dibuat oleh —

- (i) seseorang yang dituduh melakukan suatu kesalahan membayai keganasan; atau
- (ii) mana-mana orang yang memperolehi hakmilik kepada atau hak untuk memiliki harta itu daripada seseorang yang disebut dalam perenggan kecil (i) di bawah hal keadaan yang menimbulkan suatu kesimpulan yang munasabah bahawa hakmilik atau hak itu telah dipindahkan daripada orang itu bagi tujuan mengelakkan harta itu dari dirampas,

bahawa suatu waran tidak sepatutnya dikeluarkan di bawah bab 27(1)/a) atau suatu perintah tahanan tidak sepatutnya dikeluarkan di bawah bab 27(1)/b) berkaitan dengan harta itu; atau

(b) dalam sebarang hal lain, bahawa pemohon adalah pemilik yang sah atau berhak memiliki harta itu secara sah dan ternyata tidak bersalah atas sebarang keterlibatan dalam melakukan sebarang kesalahan membayai keganasan atau atas sebarang pakatan sulit berkenaan dengan kesalahan tersebut, dan bahawa orang lain ternyata bukan pemilik yang sah atau berhak memiliki harta itu secara sah,

dan bahawa harta itu tidak lagi dikehendaki bagi tujuan sebarang penyiasatan atau sebagai keterangan dalam sebarang prosiding.

**Tamat tempoh waran dan perintah tahanan.**

36. (1) Tertakluk kepada bab ini, jika harta telah disita di bawah suatu waran yang dikeluarkan di bawah bab 27(1)/a) atau menjadi perkara suatu perintah tahanan yang dikeluarkan di bawah bab 27(1)/b), maka harta itu boleh ditahan atau perintah itu boleh terus berkuatkuasa, mengikut mana yang berkenaan, bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun dari penyitaan atau pengeluaran perintah itu, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Harta itu boleh terus ditahan, atau perintah itu boleh terus berkuatkuasa, bagi suatu tempoh yang melebihi satu tahun jika prosiding dimulakan yang berkaitan dengannya harta yang ditahan itu boleh dirampas.

(3) Harta itu boleh terus ditahan atau perintah itu boleh terus berkuatkuasa bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang melebihi satu tahun jika penerusan itu, atas permohonan yang dibuat oleh Peguam Negara, diperintahkan oleh Hakim, jika Hakim berpuashati bahawa harta itu dikehendaki, selepas tamatnya tempoh atau tempoh-tempoh itu, bagi maksud Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain tentang perampasan atau bagi maksud sebarang penyiasatan atau sebagai keterangan dalam sebarang prosiding.

**Permohonan bagi perampasan harta.**

37. Peguam Negara boleh membuat suatu permohonan kepada Hakim bagi suatu perintah perampasan berkaitan dengan —

(a) harta yang dimiliki atau dikawal oleh atau bagi pihak mana-mana pengganas atau entiti pengganas; atau

(b) harta yang telah atau akan digunakan, seluruhnya atau sebahagiannya, untuk memudahkan atau melaksanakan suatu perbuatan penganas.

**Kandungan permohonan bagi perampasan harta.**

38. Suatu afidavit bagi menyokong suatu permohonan oleh Peguam Negara di bawah bab 37 boleh disumpahkan atau disahkan atas maklumat dan kepercayaan.

**Responden dan notis.**

39. (1) Peguam Negara adalah dikehendaki menamakan sebagai responden kepada suatu permohonan di bawah bab 37 hanya orang-orang yang diketahui memiliki atau mengawal harta yang menjadi perkara permohonan itu.

(2) Peguam Negara hendaklah memberikan notis mengenai suatu permohonan di bawah bab 37 kepada responden-responden yang dinamakan mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh Hakim atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam Aturan-Aturan Mahkamah.

(3) Atas suatu permohonan di bawah bab 37, Hakim boleh menghendaki supaya notis diberikan kepada mana-mana orang yang, pada pendapat Hakim, ternyata mempunyai suatu kepentingan ke atas harta itu, dan mana-mana orang itu adalah berhak untuk dimasukkan sebagai responden kepada permohonan itu.

**Perintah bagi perampasan harta.**

40. (1) Jika Hakim berpuashati atas imbangan kebarangkalian harta itu adalah harta yang disebut dalam bab 37(a) atau (b), maka Hakim hendaklah memerintahkan supaya harta itu dirampas menjadi hak Kerajaan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), jika harta yang dimiliki atau dikawal oleh mana-mana pengganas atau entiti pengganas telah bercampur dengan harta lain (sama ada harta pengganas atau entiti pengganas), perintah perampasan hendaklah menyebut bahagian harta bercampur yang merupakan harta yang dimiliki atau dikawal oleh pengganas atau entiti pengganas.

**Perlaksanaan perintah perampasan.**

41. (1) Jika apa-apa harta diperintahkan untuk dirampas menjadi hak Kerajaan di bawah bab 40, maka Hakim boleh membuat peruntukan lain yang pada pendapat Hakim sebagai perlu untuk menguatkuasakan perintah itu, dan, khususnya, boleh —

(a) menghendaki supaya mana-mana harta yang dirampas itu dibayar atau diserahkan kepada pegawai yang berkenaan;

(b) mengarahkan supaya mana-mana harta yang dirampas itu (selain dari wang) atau tanah dijual atau pun selainnya dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Hakim dan hasilnya, jika ada, dibayar kepada pegawai yang berkenaan;

(c) melantik seseorang penerima untuk mengambil milik, tertakluk kepada syarat-syarat dan kecualian-kecualian sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Hakim, mana-mana harta yang dirampas itu, supaya merealisasikannya mengikut cara sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Hakim dan membayar hasilnya kepada pegawai yang berkenaan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1) —

(a) suatu sebutan kepada hasil penjualan, pelupusan atau perealisasian harta adalah suatu sebutan kepada hasilnya selepas menolak kos penjualan, pelupusan atau perealisasian itu; dan

(b) "pegawai yang berkenaan" bermakna mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Autoriti untuk menerima harta yang berkaitan.

**Perintah yang menolak perampasan harta.**

42. (1) Jika Hakim menolak suatu permohonan di bawah bab 37 berkaitan dengan apa-apa harta, maka Hakim hendaklah membuat suatu perintah yang

memerihalkan harta itu dan mengisytiharkan bahawa harta itu bukan harta yang disebut dalam bab itu.

(2) Jika Hakim berpuashati bahawa mana-mana responden yang disebut dalam bab 39 mempunyai suatu kepentingan ke atas apa-apa harta yang menjadi perkara kepada suatu permohonan, telah menjalankan penjagaan yang munasabah untuk memastikan bahawa harta itu tidak akan digunakan untuk memudahkan atau melaksanakan suatu perbuatan pengganas, dan bukan anggota suatu entiti pengganas, maka Hakim hendaklah —

(a) memerintahkan bahawa kepentingan tersebut tidak terjejas oleh perampasan itu; dan

(b) mengisytiharkan jenis dan takat kepentingan yang disebut dalam perenggan (a).

**Permohonan untuk mengenepikan perintah perampasan.**

43. (1) Seseorang yang menuntut suatu kepentingan ke atas apa-apa harta yang telah dirampas dan yang tidak menerima notis di bawah bab 39(3) boleh memohon kepada Hakim untuk mengubah atau mengenepikan suatu perintah yang dibuat di bawah bab 40(1) tidak lewat dari 60 hari selepas tarikh perintah perampasan itu dibuat.

(2) Hakim tidak boleh melanjutkan tempoh yang dinyatakan dalam ceraian (1).

**Hak penjagaan interim.**

44. Sementara menunggu keputusan sebarang rayuan bagi suatu perintah yang dibuat di bawah bab 40 —

(a) apa-apa harta yang disita di bawah suatu waran yang dikeluarkan di bawah bab 27(1)(a) hendaklah terus ditahan;

(b) apa-apa harta yang ditahan di bawah suatu perintah yang dikeluarkan di bawah bab 27(1)(b) hendaklah terus ditahan; dan

(c) mana-mana orang yang dilantik untuk mengawal, mengurus atau pun selainnya mengurusniaga harta itu di bawah bab 31 hendaklah terus dalam jawatan itu.

**Pindah milik boleh batal.**

45. Hakim boleh —

(a) sebelum memerintahkan apa-apa harta dirampas di bawah bab 40; dan

(b) dalam hal apa-apa harta yang berkaitan dengannya suatu perintah tahanan dikeluarkan di bawah bab 27(1)(b), jika perintah itu disampaikan menurut bab 27(4),

mengenepikan sebarang pemindahan hak atau pindah milik harta itu yang berlaku selepas harta itu disita atau perintah di bawah bab 27(4) itu disampaikan, melainkan jika pemindahan hak atau pindah milik itu adalah bagi balasan berharga kepada seseorang yang bertindak dengan suci hati.

**Peruntukan perampasan lain tidak terjejas.**

**46.** Bahagian ini tidaklah menjelaskan kuatkuasa sebarang undang-undang bertulis lain berkenaan dengan perampasan harta.

## BAHAGIAN V

### PEMBERIAN DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT

**Obligasi institusi kewangan dan profesion dan perniagaan bukan kewangan yang ditetapkan hendaklah melaporkan transaksi yang mencurigakan.**

**47.** (1) Tertakluk kepada ceraian (2), institusi kewangan, profesion dan perniagaan bukan kewangan yang ditetapkan, dan pengarah, prinsipal, pegawai, rakan kongsi, profesional dan pekerja mereka masing-masing, yang mengesyaki atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu transaksi yang melibatkan harta berhubungkait atau ada hubungannya dengan, atau hendak digunakan bagi, keganasan, perbuatan pengganas, pengganas atau kumpulan pengganas atau mereka yang membaiayai keganasan hendaklah mengemukakan dengan segera selepas mengesyakinya suatu laporan yang menyatakan syak itu kepada Unit Risikan Kewangan. Obligasi ini hendaklah juga dikenakan kepada percubaan transaksi.

(2) Dengan tidak menghiraukan ceraian (1), peguambela dan peguamcara, notari, profesion undang-undang bebas lain dan akauntan adalah dikehendaki untuk mengemukakan laporan hanya apabila —

(a) mereka terlibat, bagi pihak atau untuk seseorang klien, dalam suatu transaksi kewangan yang ada kaitannya dengan suatu aktiviti yang dinyatakan berkenaan dengan profesional tersebut di bawah bab 2; dan

(b) maklumat berkaitan yang ke atasnya syak itu diasaskan tidak diterima daripada atau diperolehi mengenai seseorang klien —

(i) dalam masa memastikan kedudukan klien mereka di sisi undang-undang; atau

(ii) dalam melaksanakan tugas mereka untuk membela atau mewakili klien itu dalam, atau berhubung dengan prosiding kehakiman, pentadbiran, timbangtara atau pengantaraan, termasuk nasihat mengenai memulakan atau mengelakkan prosiding, sama ada maklumat tersebut diterima atau diperolehi sebelum, semasa atau selepas prosiding.

(3) Unit Risikan Kewangan boleh memerintahkan penggantungan suatu transaksi bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 hari perniagaan jika dianggapnya perlu oleh kerana seriusnya atau segeranya kes itu.

(4) Pihak berkuasa penyeliaan yang berkaitan bagi profesi dan perniagaan bukan kewangan yang ditetapkan hendaklah memberitahu Unit Risikan Kewangan jika, semasa menjalankan tanggungjawab-tanggungjawab mereka, mereka mendapati fakta-fakta yang boleh dikaitkan dengan pembiayaan pengganas.

(5) Autoriti hendaklah mengeluarkan arahan atau garis panduan mengenai prosedur yang baginya dan yang darinya laporan akan dikemukakan dan hendaklah menyiaran garis panduan untuk membantu institusi kewangan dan profesi dan perniagaan bukan kewangan yang ditetapkan untuk memenuhi obligasi mereka di bawah bab ini.

**Perlindungan identiti orang dan maklumat berkenaan dengan laporan transaksi yang mencurigakan.**

48. (1) Kecuali bagi maksud-maksud perlaksanaan Perintah ini yang sewajarnya, tiada sesiapa pun boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang akan mengenalpasti atau mungkin mengenalpasti orang yang menyediakan atau membuat suatu laporan transaksi yang mencurigakan, atau mengendalikan transaksi keutamaan.

(2) Tiada sesiapa pun boleh dikehendaki untuk mendedahkan suatu laporan transaksi yang mencurigakan atau apa-apa maklumat yang terkandung dalam laporan itu atau yang diberikan berhubung dengannya, atau identiti orang yang menyediakan atau membuat laporan itu atau mengendalikan transaksi keutamaan dalam sebarang prosiding kehakiman melainkan jika Hakim Mahkamah Tinggi berpuashati bahawa pendedahan maklumat itu adalah perlu bagi kepentingan keadilan.

**Pengecualian dari liabiliti kerana mengemukakan laporan mengenai transaksi yang mencurigakan dengan suci hati.**

49. Tiada prosiding jenayah, sivil, tata tertib atau pentadbiran kerana melanggar penyimpanan rahsia perbankan atau profesional atau kontrak boleh dikemukakan terhadap institusi kewangan dan profesi dan perniagaan bukan kewangan yang ditetapkan atau pengarah, prinsipal, pegawai, rakan kongsi,

profesional atau pekerja mereka masing-masing yang dengan suci hati mengemukakan laporan atau memberikan maklumat menurut Perintah ini.

**Kegagalan berhubung dengan laporan transaksi yang mencurigakan.**

50. Mana-mana orang yang gagal mengemukakan suatu laporan kepada Unit Risikan Kewangan sebagaimana yang dikehendaki oleh bab 47 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Tindakan berhubung dengan laporan atau maklumat lain yang diterima.**

51. Apabila Unit Risikan Kewangan mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa harta itu ada kaitannya dengan, atau dimaksudkan untuk, membayai keganasan, atau adalah harta pengganas, maka Unit itu hendaklah mengemukakan maklumat yang berkaitan kepada Pesuruhjaya Polis dan mana-mana orang sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri mengenai fakta atau maklumat itu dan memberikan maklumat lanjut berkenaan dengan harta itu sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pesuruhjaya Polis atau orang yang ditetapkan itu.

**Akses kepada maklumat.**

52. (1) Berkenaan dengan apa-apa maklumat yang telah diterimanya menurut tugas-tugasnya, Unit Risikan Kewangan adalah diberi kuasa untuk mendapatkan daripada mana-mana entiti atau orang, tertakluk kepada obligasi mengemukakan laporan yang dinyatakan dalam bab 47, apa-apa maklumat tambahan yang dianggap perlu oleh Unit Risikan Kewangan untuk menjalankan tugas-tugasnya. Maklumat yang diminta itu hendaklah diberikan dalam had masa yang ditetapkan dan borang yang ditentukan oleh Unit Risikan Kewangan.

(2) Unit Risikan Kewangan adalah diberi kuasa untuk mengakses dan meneliti maklumat dalam tapak yang dipunyai oleh atau ada dalam simpanan institusi kewangan dan profesion dan perniagaan bukan kewangan yang ditetapkan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas-tugas Unit Risikan Kewangan.

(3) Ceraian (2) hendaklah dikenakan tertakluk kepada sekatan-sekatan dalam takrifan "profesion dan perniagaan bukan kewangan yang ditetapkan" dalam bab 2 dan tertakluk kepada bab 47(2).

**Obligasi berhubung dengan penyimpanan rahsia dan penggunaan maklumat.**

53. (1) Tiap-tiap orang yang mempunyai kewajipan-kewajipan terhadap atau di dalam Unit Risikan Kewangan adalah dikehendaki untuk merahsiakan apa-apa maklumat yang diperolehi di dalam skop kewajipan-kewajipannya, sekalipun

selepas kewajipan-kewajipan itu tidak lagi dijalankan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Perintah ini atau sebagaimana yang diperintahkan oleh sesebuah mahkamah. Orang itu hanya boleh menggunakan maklumat itu bagi maksud-maksud yang diperuntukkan dan menurut Perintah ini.

(2) Mana-mana pekerja sekarang ini atau dahulu di Unit Risikan Kewangan atau orang lain yang mempunyai kewajipan-kewajipan terhadap atau di dalam Unit Risikan Kewangan yang dengan sengaja mendedahkan maklumat yang penyimpanan rahsianya dikehendaki untuk dilindungi oleh ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Berkongsi maklumat dengan agensi kaunterpart asing.**

54. (1) Unit Risikan Kewangan boleh berkongsi maklumat dengan mana-mana agensi kaunterpart asing yang melaksanakan tugas-tugas yang sama secara timbal balik atau berdasarkan kepada persetujuan bersama atas dasar penyusunan kerjasama yang dibuat di antara Unit Risikan Kewangan dan agensi kaunterpart asing itu.

(2) Unit Risikan Kewangan boleh membuat siasatan bagi pihak agensi kaunterpart asing jika siasatan itu mungkin berkaitan dengan analisis agensi kaunterpart asing itu mengenai sesuatu perkara yang melibatkan harta pengganas yang disyaki atau potensi pembiayaan keganasan.

(3) Tanpa menjelaskan keluasan makna ceraian (2), Unit Risikan Kewangan boleh —

(a) memeriksa pangkalan datanya sendiri, termasuk maklumat yang berkaitan dengan laporan mengenai transaksi yang mencurigakan, dan pangkalan data lain di mana Unit Risikan Kewangan mempunyai akses secara langsung atau tidak langsung, termasuk pangkalan data penguatkuasaan undang-undang, pangkalan data awam, pangkalan data pentadbiran dan pangkalan data tersedia ada secara komersil;

(b) mendapatkan daripada institusi kewangan dan profesion dan perniagaan bukan kewangan yang ditetapkan yang berkaitan berhubung dengan permintaan itu;

(c) mendapatkan daripada pihak-pihak berkuasa yang layak yang berkaitan berhubung dengan permintaan itu setakat mana Unit Risikan Kewangan boleh mendapatkan maklumat tersebut dalam sesuatu perkara domestik; dan

(d) mengambil apa-apa tindakan lain bagi menyokong permintaan agensi kaunterpart asing yang selaras dengan autoriti Unit Risikan Kewangan dalam sesuatu perkara domestik.

## BAHAGIAN VI

### AM

#### Pemberian maklumat.

55. (1) Seseorang adalah melakukan suatu kesalahan jika —

(a) dia mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa polis sedang bertindak, atau bercadang hendak bertindak, berhubung dengan suatu penyiasatan yang sedang dijalankan; atau hendak dijalankan di bawah atau bagi maksud-maksud Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya; dan

(b) dia mendedahkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin menjelaskan penyiasatan atau penyiasatan yang dicadangkan itu.

(2) Seseorang itu adalah melakukan suatu kesalahan jika —

(a) dia mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu pendedahan telah dibuat kepada polis berhubung dengan suatu kesalahan yang sedang dilakukan atau hendak dilakukan di bawah Perintah ini; dan

(b) dia mendedahkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin menjelaskan sebarang penyiasatan yang mungkin dijalankan berikutan dengan pendedahan itu.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam ceraian (1) atau (2) menjadikannya suatu kesalahan bagi seseorang itu untuk mendedahkan maklumat atau apa-apa perkara lain kepada seseorang peguambela dan peguamcara bagi tujuan nasihat undang-undang atau bagi seseorang peguambela dan peguamcara untuk mendedahkan apa-apa maklumat atau perkara lain —

(a) kepada seseorang klien atau kepada wakil seseorang klien berhubung dengan nasihat undang-undang yang diberikan olehnya kepada klien itu; atau

(b) kepada mana-mana orang —

(i) yang bercadang hendak membawa, atau berhubung dengan, prosiding undang-undang; dan

(ii) bagi maksud prosiding itu.

(4) Ceraian (3) tidak dikenakan berkenaan dengan apa-apa maklumat atau perkara lain yang didedahkan dengan tujuan untuk meneruskan sebarang maksud jenayah.

(5) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini boleh jika sabit kesalahan dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 5 tahun, suatu denda atau kedua-duanya sekali.

(6) Pesuruhjaya Polis atau mana-mana orang lain yang ditetapkan oleh Menteri di bawah bab 59 tidaklah melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini berkaitan dengan apa-apa jua yang dilakukan olehnya semasa bertindak berhubung dengan penguatkuasaan atau cadangan untuk menguatkuasakan, sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain berkenaan dengan sebarang kesalahan yang dikenakan Perintah ini.

**Luar wilayah.**

56. Mana-mana orang yang, di luar Negara Brunei Darussalam, melakukan suatu perbuatan atau peninggalan bahawa, jika dilakukan di Negara Brunei Darussalam, akan menjadikan suatu kesalahan di bawah Perintah ini adalah dianggap melakukan perbuatan atau peninggalan itu di Negara Brunei Darussalam dan boleh diambil tindakan selanjutnya, dituduh, dibicarakan dan dihukum dengan sewajarnya.

**Larangan am.**

57. (1) Tiada sesiapa pun boleh dengan mengetahui melakukan apa-apa jua yang menyebabkan, membantu atau menggalakkan atau bermaksud hendak menyebabkan, membantu atau menggalakkan, apa-apa perbuatan atau perkara yang dilarang di bawah Perintah ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Percubaan dan perbuatan bersubahat.**

58. Mana-mana orang yang cuba melakukan sebarang kesalahan yang boleh dihukum di bawah Perintah ini, atau bersubahat melakukan sebarang kesalahan itu, adalah melakukan kesalahan itu dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan yang mula-mula disebutkan itu.

**Kewajipan memberi maklumat.**

59. (1) Mana-mana orang yang berada di Negara Brunei Darussalam, dan mana-mana rakyat Negara Brunei Darussalam yang berada di luar Negara Brunei Darussalam, ada —

(a) memiliki, menjaga atau mengawal apa-apa harta yang diketahuinya adalah harta pengganas; atau terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai atau mengesyaki adalah harta pengganas;

(b) memiliki, menjaga atau mengawal apa-apa harta kepunyaan mana-mana pengganas atau mana-mana entiti pengganas; atau

(c) maklumat yang diketahui atau disyaki olehnya mengenai apa-apa transaksi atau transaksi yang dicadangkan berkaitan dengan apa-apa harta kepunyaan mana-mana pengganas atau mana-mana entiti pengganas,

hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pesuruhjaya Polis dan mana-mana orang lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri mengenai fakta atau maklumat itu dan memberi maklumat lanjut berkenaan dengan harta, transaksi atau transaksi yang dicadangkan itu sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pesuruhjaya Polis atau orang yang ditetapkan itu.

(2) Mana-mana orang yang gagal mendedahkan maklumat itu dengan serta-merta kepada Pesuruhjaya Polis atau orang yang ditetapkan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Tiada prosiding jenayah atau sivil boleh dikemukakan terhadap seseorang kerana sebarang pendedahan yang dibuat dengan suci hati di bawah bab ini.

(4) Seseorang yang membuat suatu pendedahan dengan suci hati di bawah bab ini tidak boleh disifatkan sebagai melanggar sebarang sekatkan ke atas pendedahan maklumat yang dikenakan oleh undang-undang, kontrak atau aturan-aturan kelakuan profesional.

**Kesalahan dilakukan oleh badan korporat.**

60. Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini yang dilakukan oleh suatu badan korporat terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan sebarang kecuaian di pihak, mana-mana —

(a) pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya badan korporat itu, atau mana-mana orang yang dikatakan bertindak atas jawatan itu; atau

(b) orang lain yang memegang suatu kepentingan mengawal ke atas badan korporat itu,

dia, dan juga badan korporat itu, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

**Kesalahan di bawah undang-undang bertulis lain.**

61. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa di bawah sebarang undang-undang bertulis lain kerana apa-apa perbuatan atau peninggalan yang menjadi suatu kesalahan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, atau daripada dikenakan di bawah undang-undang bertulis lain itu sebarang hukuman atau penalti yang tinggi atau selain dari yang diperuntukkan oleh Perintah ini atau peraturan-peraturan itu, tetapi tiada sesiapa pun boleh dihukum dua kali kerana kesalahan yang sama.

**Persetujuan Pendakwa Raya.**

62. (1) Tiada pendakwaan boleh dimulakan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya tanpa persetujuan bertulis Pendakwa Raya.

(2) Walaupun persetujuan belum diberikan berkenaan dengan kesalahan menurut ceraian (1) —

(a) seseorang boleh ditangkap kerana suatu kesalahan di bawah Perintah ini;

(b) suatu waran untuk menangkap mana-mana orang berkaitan dengan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini boleh dikeluarkan dan dilaksanakan;

(c) seseorang boleh dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini; dan

(d) seseorang yang dituduh melakukan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini boleh ditahan dalam kurungan atau dibenarkan diikat jamin,

tetapi tiada langkah lanjut dalam prosiding berkenaan dengan kesalahan itu boleh diambil sehingga persetujuan bertulis Pendakwa Raya telah didapatkan.

**Kekebalan dari prosiding.**

63. Tiada tindakan, guaman atau prosiding undang-undang lain boleh dikemukakan terhadap mana-mana —

(a) pihak dalam suatu kontrak kerana gagal, mengabaikan atau enggan melaksanakan apa-apa perbuatan yang dikehendaki oleh kontrak itu; atau

(b) orang kerana gagal, mengabaikan atau enggan melaksanakan apa-apa perbuatan di bawah sebarang undang-undang bertulis,

jika kegagalan, pengabaian atau keengganan tersebut semata-mata berpunca dari, atau disebabkan oleh, peruntukan-peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

**Perlindungan orang kerana perbuatan yang dilakukan di bawah Perintah ini.**

64. Tiada sesiapa pun boleh bertanggungan berkaitan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan olehnya pada melaksanakan atau dikatakan pada melaksanakan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya jika dia melakukannya dengan kepercayaan yang lurus bahawa kewajipannya di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya menghendaki atau memberi hak kepadanya untuk berbuat demikian.

**Kuasa untuk mengisyiharkan orang atau golongan orang sebagai penganas.**

65. (1) Menteri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengisyiharkan mana-mana orang atau mana-mana golongan orang yang dinamakan dan diperihalkan di dalamnya sebagai penganas bagi maksud-maksud dari Perintah ini —

Dengan syarat bahawa dia boleh membuat perintah tersebut berkaitan dengan mana-mana orang atau mana-mana golongan orang hanya jika dia mempercayai bahawa orang atau golongan orang itu telah terlibat dalam apa-apa perbuatan penganas.

(2) Menteri boleh pada bila-bila masa meminda sebarang perintah yang dibuat di bawah ceraian (1).

(3) Suatu permohonan boleh dibuat kepada Menteri untuk membatalkan suatu perintah yang dibuat berkaitan dengan mana-mana orang atau golongan orang di bawah ceraian (1) oleh —

(a) orang itu atau mana-mana ahli golongan orang itu; atau

(b) mana-mana orang lain yang terjejas dengan pembuatan suatu perintah berkaitan dengan orang atau golongan orang itu.

(4) Menteri hendaklah, selepas memberikan kepada pemohon di bawah ceraian (3) peluang untuk didengar, membuat suatu keputusan yang muktamad dan tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan pun.

**Arahan dan garis panduan untuk menunaikan obligasi Negara Brunei Darussalam.**

66. (1) Pihak berkuasa pengawalseliaan atau penyeliaan yang berkaitan boleh mengeluarkan arahan dan garis panduan kepada mana-mana orang atau mana-mana golongan orang di bawah pengawalseliaan atau penyeliaan mereka yang mereka anggap perlu untuk menunaikan atau memudahkan penunaian sebarang obligasi menurut suatu ketetapan atau keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan dengan keganasan.

(2) Mana-mana orang atau mana-mana ahli golongan orang yang kepadanya suatu arahan atau garis panduan telah dikeluarkan hendaklah mematuhi walaupun sebarang kewajipan lain dikenakan kepadanya oleh sebarang undang-undang bertulis, aturan undang-undang atau kontrak; dan pada melaksanakan apa-apa perbuatan bagi mematuhi arahan atau garis panduan itu dia tidak boleh disifatkan sebagai melanggar sebarang undang-undang bertulis, aturan undang-undang atau kontrak tersebut.

(3) Mana-mana orang atau mana-mana golongan orang tidak boleh mendedahkan sebarang arahan atau garis panduan yang dikeluarkan kepadanya jika pihak berkuasa pengawalseliaan atau penyeliaan yang berkaitan telah memberitahunya bahawa mereka berpendapat bahawa sebarang pendedahan itu adalah bertentangan dengan kepentingan awam.

(4) Mana-mana orang atau mana-mana ahli golongan orang yang gagal atau enggan mematuhi suatu arahan atau garis panduan yang dikeluarkan kepadanya, atau yang mendedahkan suatu arahan atau garis panduan yang dikeluarkan kepadanya dengan melanggar ceraian (3), adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000.

(5) Pihak berkuasa pengawalseliaan atau penyeliaan yang berkaitan hendaklah melaporkan kepada Menteri mengenai tindakan yang diambil di bawah bab ini setiap 6 bulan atau sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Menteri.

**Arahan dan peraturan-peraturan untuk mencegah pembiayaan pengganas.**

67. (1) Autoriti boleh mengeluarkan arahan atau membuat peraturan-peraturan berhubung dengan mana-mana orang atau mana-mana golongan orang sebagaimana yang dianggap perlu oleh Autoriti bagi pencegahan pembiayaan keganasan.

(2) Mana-mana orang atau mana-mana ahli golongan orang yang gagal atau enggan mematuhi sebarang arahan yang dikeluarkan di bawah ceraian (1), atau melanggar sebarang peraturan yang dibuat di bawah ceraian itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000,000 dan dalam hal suatu kesalahan yang

berterusan, dikenakan suatu denda tambahan sebanyak \$100,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

**Kesalahan boleh tangkap dan boleh jamin.**

68. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), setiap kesalahan terhadap Perintah ini adalah kesalahan boleh tangkap dan boleh jamin bagi maksud-maksud Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7).

(2) Mana-mana orang yang dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah bab 18 tidaklah dibenarkan diikat jamin.

**Pindaan Jadual.**

69. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, meminda Jadual.

**Peraturan-peraturan.**

70. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang dianggapnya perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan atau melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya, termasuk (tanpa menjelaskan keluasan makna peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas) peruntukan bagi —

*(a)* penangkapan dan perbicaraan orang-orang yang mungkir atau melanggar peraturan-peraturan itu;

*(b)* memberi kuasa kepada mana-mana orang atau golongan orang untuk menjalankan, apabila menyiasat sebarang kesalahan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, semua atau sebarang kuasa seorang pegawai polis di bawah Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) berkenaan dengan kesalahan boleh tangkap; dan

*(c)* pembekuan, perlucutan hak dan perampasan dana dan aset mana-mana orang yang diisyiharkan dalam suatu perintah yang dibuat di bawah bab 65 sebagai pengganas.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

(3) Sebarang peraturan yang dibuat di bawah bab ini tidaklah menjadi tidak sah hanya dengan sebab fakta bahawa peraturan-peraturan itu mengendalikan apa-apa perkara yang diperuntukkan oleh sebarang undang-undang bertulis yang

lain, atau kerana tidak bersesuaian atau bertentangan dengan sebarang undang-undang bertulis yang lain.

(4) Sebarang peraturan yang dibuat di bawah bab ini boleh memperuntukkan suatu hukuman jika sabit kesalahan kerana mungkir atau melanggarinya denda tidak melebihi dari \$100,000, penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Pemansuhan Penggal 197.**

71. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), Akta Antikeganasan (Kewangan dan Langkah Lain) adalah dimansuhkan.

(2) Apa-apa perkara yang dilakukan di bawah Akta itu dan berkuatkuasa sejurus sebelum tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini dan setakat mana perkara itu tidak bertentangan dengan Perintah ini hendaklah terus berkuatkuasa seolah-olah dilakukan di bawah Perintah ini, tetapi Menteri boleh pada bila-bila masa, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, meminda atau membatalkan apa-apa perkara tersebut.

**JADUAL**

(bab 2(1))

**KONVENTSYEN MEMBERANTAS KEGANASAN**

1. Konvensyen mengenai Kesalahan dan Perbuatan Lain tertentu yang dilakukan di dalam Pesawat Udara yang ditandatangani di Tokyo pada 14hb September 1963.
2. Konvensyen bagi Penumpasan Rampasan Pesawat Udara Yang Menyalahi Undang-Undang yang dibuat di The Hague pada 16hb Disember 1970.
3. Konvensyen bagi Penumpasan Perbuatan Yang Menyalahi Undang-Undang Terhadap Keselamatan Penerbangan Awam yang dibuat di Montreal pada 23hb September 1971.
4. Konvensyen mengenai Pencegahan dan Hukuman Jenayah Terhadap Orang-Orang Yang Dilindungi Di Seluruh Dunia, termasuk Ejen Diplomatik, yang diterima-pakai oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 14hb Disember 1973.
5. Konvensyen Antarabangsa terhadap penahanan Tebusan yang diterima-pakai oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 17hb Disember 1979.
6. Protokol bagi Penumpasan Perbuatan Ganas Yang Menyalahi Undang-Undang di Lapangan Terbang Yang Memberi Perkhidmatan Penerbangan

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

Awam Antarabangsa, tambahan kepada Konvensyen bagi Penumpasan Perbuatan Yang Menyalahi Undang-Undang terhadap Keselamatan Penerbangan Awam yang dibuat di Montreal pada 24hb Februari 1988.

7. Konvensyen bagi Penumpasan Perbuatan Yang Menyalahi Undang-Undang terhadap Keselamatan Pelayaran Maritim yang dibuat di Rome pada 10hb Mac 1988.
8. Protokol bagi Penumpasan Perbuatan Yang Menyalahi Undang-Undang terhadap Keselamatan Pelantar Tetap yang terletak di Pelantar Benua yang dibuat di Rome pada 10hb Mac 1988.
9. Konvensyen mengenai Penandaan Bahan Letupan Plastik bagi Tujuan Pengesanan yang ditandatangani di Montreal pada 1hb Mac 1991.
10. Konvensyen Antarabangsa bagi Penumpasan Pengeboman Pengganas yang diterima-pakai oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 15hb Disember 1997.
11. Konvensyen Antarabangsa bagi Penumpasan Pembiayaan Keganasan yang diterima-pakai oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 9hb Disember 1999.

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1432 bersamaan dengan 18 haribulan Julai, 2011 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**